

**BORANG PENDAFTARAN AKAUN MELALUI INSENTIF ATAU UNIT PERCUMA /
REGISTRATION OF ACCOUNT WITH INCENTIVE OR FREE UNITS**

A. MAKLUMAT PEMOHON/ PARTICULARS OF APPLICANT

Nama / Name																										
No K/P Baru /Sijil Kelahiran/ New I/C No./ Birth Certificate																										
Bangsa/ Race						Agama/ Religion																				

B. MAKLUMAT PENJAGA BERDAFTAR/ PARTICULAR OF REGISTERED GUARDIAN (UNTUK AKAUN REMAJA/BIJAK SAHAJA / FOR AKAUN REMAJA/BIJAK ONLY):-

Nama Penjaga/ Guardian Name																										
No. K/P Baru New I/C No.																										
Bangsa/Race						Agama/ Religion						Hubungan/ Relationship														

C. MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI/ CONTACT INFORMATION:-

Alamat/ Address																										
No. Telefon/ Mobile No.						Emel/ Email																				

D. AKUAN PENGESAHAN/ DECLARATION

- Saya telah membaca dan faham isi kandungan prospektus yang berkaitan. Oleh itu, Saya juga telah membaca dan bersetuju terhadap segala terma dan syarat yang berkaitan permohonan (sila rujuk ruangan H dan I) dan pendaftaran unit serta sebarang penambahan dan perubahan kepadanya. / I have read the relevant prospectus and understood the content. Therefore, I have also read and agreed to the terms and conditions (please refer to H and I columns) about this application and registration of units and additions and amendments
- Saya dengan ini juga BERSETUJU untuk memberikan butiran peribadi pasangan dan anak-anak kepada PNB/ASNB bagi tujuan hebahan perancangan kewangan di masa akan datang (sila rujuk ruangan J) / I hereby AGREE to provide personal details of my spouse and children to PNB / ASNB for future financial planning purposes (please refer to J column)

**E. TANDATANGAN ATAU*CAP IBU JARI KIRI PEMOHON
(*jika tiada tandatangan) /
SIGNATURE OR *LEFT THUMB PRINT OF APPLICANT
(* if has no signature)**

ATAU		
Tandatangan/ Signature	Cap Ibu Jari Kiri/Left Thumb Print	Tarikh

**F. TANDATANGAN ATAU*CAP IBU JARI KIRI PENJAGA
BERDAFTAR (*jika tiada tandatangan) /
SIGNATURE OR *LEFT THUMB PRINT OF REGISTERED GUARDIAN
(* if has no signature)**

ATAU		
Tandatangan/ Signature	Cap Ibu Jari Kiri/Left Thumb Print	Tarikh

G. UNTUK KEGUNAAN ASNB/EJEN SAHAJA/ FOR ASNB/AGENT USE ONLY

Tarikh Pendaftaran/ Date of Registration											Nama Penerima / Name of Recipient										
No. Ahli/ UH ID											Disahkan Terima/ Acknowledgment of Acceptance										
Jenis Pendaftaran / Type of Registration	<input type="checkbox"/> Program ADAM 50 ADAM 50 Program	<input type="checkbox"/> Unit Percuma / Free Units	<input type="checkbox"/> Insentif / Incentive																		

PERINGATAN

Berdasarkan keperluan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA), borang pendaftaran ini tidak boleh diedarkan tanpa diiringi oleh Prospektus dan sebarang Prospektus Tambahan yang berkaitan. Pelabur dinasihatkan membaca Prospektus dan sebarang Prospektus Tambahan yang berkenaan terlebih dahulu sebelum mengisi borang pendaftaran.

H. AKUAN PENGESAHAN PENDAFTARAN AKAUN

- SURATIKATAN DAN PROSPEKTUS.** Saya telah membaca dan memahami isi kandungan Suratikatan dan Suratikatan Tambahan yang berkaitan, Prospektus dan sebarang Prospektus Tambahan dan bersetuju mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Suratikatan, Prospektus serta sebarang tambahan dan perubahan kepadanya yang berkaitan dengan permohonan unit-unit yang didaftarkan atau sesudah itu. Saya juga bersetuju bahawa ASNB, berhak secara mutlak untuk membatalkan pendaftaran dan menarik balik unit-unit yang saya miliki (termasuk pengagihan pendapatan, bonus serta kelayakan lain) sekiranya didapati bahawa mana-mana pernyataan yang telah saya buat di dalam permohonan ini tidak benar atau palsu.
- AMLATFA 2001.** Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di dalam permohonan ini adalah benar dan tepat serta pelaburan unit amanah tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang Malaysia termasuk Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan AMLATFA 2001. ASNB berhak untuk menamatkan semua hubungan dengan pelanggan jika pelanggan didapati telah melanggar undang-undang peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah mengenai AMLATFA 2001 dan 'Know Your Customer Policy'. Sekiranya khidmat unit amanah ditamatkan, unit amanah akan ditebus dengan harga belian balik berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) seunit pada penghujung hari perniagaan.
- YURAN DAN CAJ.** Saya memahami bahawa terdapat yuran dan caj yang akan dikenakan secara langsung atau tidak langsung apabila saya membuat pelaburan dalam tabung unit amanah tersebut.
- KEBANKRAPAN.** Saya mengesahkan bahawa saya bukan seorang yang bankrap.
- AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010.** Di dalam penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, ASNB selaku pengguna data akan memastikan bahawa privasi data peribadi pelanggan yang telah dizahirkan oleh pelanggan atau sedang diselenggara oleh ASNB ("Data Peribadi") dilindungi dan dipelihara. ASNB dibenarkan untuk mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan Data Peribadi saya selaras dengan Dasar Privasi yang dinyatakan di dalam laman web www.asnb.com.my dan menzahirkan dan berkongsi Data Peribadi saya di kalangan kumpulan syarikat, ejen yang diberi kuasa dan pembekal perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menyimpan maklumat peribadi sulit pelanggan) bagi menyediakan produk dan perkhidmatan ASNB atau mana-mana perkhidmatan lain yang berkaitan dan apa-apa tujuan lain yang berkaitan. Peruntukan data peribadi adalah wajib. Jika saya tidak membenarkan Data Peribadi saya digunakan untuk tujuan seperti yang dinyatakan di atas, permohonan saya untuk melanggan produk dan perkhidmatan ASNB dibatalkan.
- DATA PERIBADI.** Saya mempunyai hak untuk mengakses dan mengemaskini atau membetulkan Data Peribadi dan juga menghadkan pemprosesan Data Peribadi daripada digunakan bagi tujuan pemasaran atau dihubungi oleh ASNB bagi tujuan jualan dan promosi, dengan memaklumkan kepada ASNB secara bertulis melalui emel ke asnbcare@pnb.com.my atau ke alamat berikut:

*Amanah Saham Nasional Berhad,
Jabatan Pengurusan Ejen dan Perhubungan Pelanggan,
UG, Balai PNB, 201-A,
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
No. Telefon : 03-20573000*
- PENJAGA BERDAFTAR ASB REMAJA SAHAJA.** Saya selaku Penjaga Berdaftar, bersetuju untuk melantik remaja menjadi Ejen (wakil) saya serta membenarkan Remaja yang telah mencapai usia 12 tahun untuk membuat jualan balik unit-unit ASB pada apa-apa jumlah dan tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh ASNB.
- PERTUKARAN AKAUN REMAJA/BIJAK KE AKAUN DEWASA.** Saya juga membenarkan pertukaran dari Akaun Remaja/Bijak ke Akaun Dewasa dilaksanakan secara automatik oleh ASNB setelah Pemegang Unit (Remaja) mencapai umur dewasa 18 tahun. Dengan pertukaran ini, saya tidak lagi mempunyai hak ke atas pelaburan tersebut dan ianya menjadi milik mutlak Pemegang Unit.

I. AKUAN PENGESAHAN PENYERTAAN ADAM50

Bahawasanya saya sebagai Penjaga dan bagi pihak Peserta:

- Bersetuju untuk menerima unit insentif percuma sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) sahaja atau apa-apa jumlah yang difikirkan sesuai oleh pihak Permodalan Nasional Berhad (No. syarikat 38218-X) ("PNB") (selepas ini dirujuk sebagai "Wang Prinsipal") di bawah Program ADAM50 bagi tujuan perolehan unit-unit amanah Amanah Saham Bumiputera ("ASB") atau Amanah Saham 1Malaysia ("AS 1Malaysia");
- Bersetuju bahawa Wang Prinsipal serta pengagihan pendapatan, bonus dan apa-apa faedah lain (sekiranya ada) yang dijana menerusi Wang Prinsipal itu ditahan dan saya tidak dibenarkan untuk mengeluarkannya;
- Bersetuju untuk menyerahkan semula Wang Prinsipal serta pengagihan pendapatan, bonus dan apa-apa faedah lain (sekiranya ada) tersebut kepada PNB sekiranya Peserta didapati tidak layak sebagai penerima Wang Prinsipal unit amanah di bawah Program ADAM50 tersebut;
- Memahami bahawa Peserta hanya berhak ke atas Wang Prinsipal serta pulangan berbentuk pengagihan pendapatan, bonus dan apa-apa faedah lain (sekiranya ada) hasil daripada pelaburan Wang Prinsipal tersebut di dalam tabung unit amanah ASB atau AS 1Malaysia selepas Peserta mencapai umur 18 tahun, Selepas mencapai umur 18 tahun, saya tidak mempunyai apa-apa hak ke atas akaun Peserta;
- Memahami bahawa pembayaran pengagihan pendapatan, bonus, dan apa-apa faedah lain (sekiranya ada) yang diterima oleh Peserta hasil daripada pelaburan Wang Prinsipal tersebut akan dikreditkan terus ke dalam akaun ASB atau AS 1Malaysia Peserta;
- Memahami bahawa saya sebagai Penjaga dibenarkan untuk membuat pelaburan tambahan bagi pihak Peserta bagi akaun ASB sehingga mencapai had maksimum 200,000 unit atau AS 1Malaysia sehingga mencapai had maksimum 50,000 unit atau had maksimum yang ditetapkan oleh ASNB dari semasa ke semasa ("Pelaburan Tambahan"). Pelaburan Tambahan tersebut boleh diurusniagakan seperti biasa tertakluk kepada suratikatan tabung unit amanah ASB atau AS 1Malaysia berkenaan;
- Bersetuju bahawa sekiranya Peserta meninggal dunia, maka Wang Prinsipal serta pengagihan pendapatan, bonus dan apa-apa faedah lain (sekiranya ada) akan diurus dan ditadbir mengikut suratikatan tabung unit amanah ASB atau AS 1Malaysia;
- Bersetuju bahawa PNB dibenarkan untuk memindahkan unit-unit amanah ASB atau AS 1Malaysia yang diperolehi melalui Wang Prinsipal kepada mana-mana unit amanah baru yang difikirkan sesuai yang akan dilancarkan oleh PNB dari semasa ke semasa, jika tidak menerima apa-apa bantahan daripada Penjaga dalam tempoh tiga puluh (30) hari pemberitahuan bersabit dan berkenaan tujuan PNB tersebut.

J. BUTIRAN MAKLUMAT PERIBADI PASANGAN DAN ANAK

	Nama	No. Kad Pengenalan / MyKid
Maklumat Pasangan		
Maklumat Anak-anak		